

WINGESIC 250 SUSPENSION

Paracetamol (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Wingesic 250 Suspension
2. Bagaimana Wingesic 250 Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Wingesic 250 Suspension
4. Cara mengambil Wingesic 250 Suspension
5. Semasa mengambil Wingesic 250 Suspension
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Wingesic 250 Suspension
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Wingesic 250 Suspension

Wingesic 250 Suspension digunakan untuk melegakan demam dan kesakitan yang ringan hingga sederhana pada kanak-kanak seperti sakit kepala dan sakit gigi.

Bagaimana Wingesic 250 Suspension berfungsi

Wingesic 250 Suspension yang mengandungi Paracetamol merupakan sejenis ubat yang termasuk dalam kategori analgesia dan antipiretik yang dijadikan ubat penahan sakit dan melegakan demam. Ia diserap dengan cepat dan sempurna selepas dimakan dan menunjukkan kesannya dalam masa 30 minit ke 2 jam. Kesan ini akan kekal selama 3 hingga 4 jam.

Sebelum mengambil Wingesic 250 Suspension

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alah (alergi) terhadap Paracetamol atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini. Pengambilan untuk bayi di bawah 1 bulan tidak digalakkkan.

- Sebelum mula mengambil

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada penderita gangguan fungsi hati dan buah pinggang atau mereka yang sedang mengambil ubat yang mengancam kesihatan hati.

- Jika mengambil ubat- ubatan lain

Dos ubat cair darah perlu dikurangkan jika pengambilan paracetamol dalam masa yang panjang.

Cara mengambil Wingesic 250 Suspension

- Berapa banyak harus digunakan

Dos:

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:

Ambil 2 hingga 4 camca teh (10 hingga 20ml).

Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun:

Ambil 1 hingga 2 camca teh (5 hingga 10ml).

Kanak-kanak 1 hingga 6 tahun:

Ambil ½ hingga 1 camca teh (2.5 hingga 5ml).

Boleh diulangi 3 hingga 4 kali sehari.

- Bila perlu diambil

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa beri Wingesic 250 Suspension kepada anak anda, berikannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya terambil berlebihan, sila menghubungi Pusat Racun Negara (1800 888 099) atau doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

Semasa mengambil Wingesic 250 Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda sekiranya:

1. Anak anda menghadapi masalah alergi.
2. Kesakitan berlarutan lebih daripada 5 hari atau bertambah buruk.
3. Demam berlarutan lebih daripada 3 hari atau berulang.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan Sampingan

Tanda alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak-balas ini berlaku,

berhenti menggunakan dan dapatkan rawatan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Wingesic 250 Suspension

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Wingesic 250 Suspension ialah ampaian berwarna oren dan berperisa oren.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Paracetamol 250mg

Bahan tidak aktif

Methyl Hydroxybenzoate, Propyl Hydroxybenzoate, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Sugar, Sorbitol 70% Solution, Sunset Yellow (CI No 15985), Orange Juice, Tutti Frutti Flavour, Xanthan Gum, Tragacanth Gum, Purified Water.

- Nombor MAL:

MAL19912818XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13/08/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)200718/00205